

05/11/2004

Dr M bantu negara maju IT

SEREMBAN: Usaha bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang menjadi pencetus kepada usaha memajukan bidang teknologi maklumat (IT), meletakkan negara setanding negara maju.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Ismail Lasim, berkata penguasaan bidang IT memberi makna besar kepada negara dalam mempersiapkan diri untuk bersaing di pasaran global.

"Kini Malaysia dikenali dunia dan boleh bersaing dengan negara maju lain kerana kita tidak lagi ketinggalan daripada arus globalisasi termasuk dalam bidang teknologi dan IT.

"Ini selaras perkembangan dunia yang menuntut perubahan daripada segi cara dan tindakan untuk memastikan daya saing tidak tergugat," katanya ketika mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, menutup Kempen Kesedaran Teknologi Untuk Usahawan Wanita Peringkat Kebangsaan di sini.

Kempen anjuran Peniagaawati itu bertujuan meningkatkan kesedaran teknologi di kalangan usahawan wanita melalui pendedahan cara penggunaan dan aplikasi teknologi.

(END)